

# Penganggur pukul ayah dengan batang aluminium kena tiga tahun

**SIBU:** Seorang penganggur dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas tuduhan mencederakan ayah kandung sendiri dengan menggunakan batang aluminium.

Majistret Oon Kork Chern yang menjatuhkan hukuman itu, memerintahkan tertuduh, Nazri Yakup, 46, mula menjalani hukuman penjara itu bermula dari tarikh dia ditahan, 21 Oktober 2024.

Mengikut pertuduhan, Nazri didakwa dengan sen-

gaja mendatangkan kecederaan kepada ayahnya dengan senjata bahaya iaitu batang aluminium, di mana perbuatan itu boleh menyebabkan kematian mangsa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di kediaman mereka di Lorong Sentosa Utara 5 pada 5 Oktober 2024, jam lebih kurang 12.06 tengah malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun

yang sama.

Sabit kesalahan di bawah Seksyen 324 boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau dengan denda atau sebatan atau mana-mana dua hukuman terbabit.

Berdasarkan fakta kes, pada 5 Oktober 2024, jam lebih kurang 12.06 tengah malam, anak pengadu iaitu tertuduh telah meminta wang namun pengadu tidak mempunyai wang.

Ini menyebabkan tertuduh bertindak memukul bahagian belakang badan pengadu menggunakan batang alu-

minum sebelum melarikan diri.

Berikutan laporan polis yang dibuat oleh pengadu, pada 21 Oktober 2024 kira-kira jam 10.05 pagi, pihak polis telah menahan tertuduh di pekarangan Kompleks Mahkamah Sibu.

Siasatan yang dijalankan mendapati pengadu adalah ayah kandung tertuduh dan pengadu dalam laporan memberitahu telah dipukul oleh anaknya di tempat kejadian.

Disebabkan kejadian itu, pengadu mengalami kecederaan di bahu kanan.